

Jawab semua soalan.

1 (a) Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ١٣

(Surah al-Hujurat: 13)

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah SWT telah menjadikan manusia dengan kepelbagaian bangsa dan etnik.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan sebab turun ayat ini. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** tuntutan saling mengenali dalam kalangan pelbagai bangsa. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:
«لَا يَحْتَطِبُ أَحَدُكُمْ حُرْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ، خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ»
(رواية البخاري)

Hadis di atas menjelaskan tentang kemuliaan berdikari dalam kehidupan.
Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Nyatakan maksud berdikari. [2 markah]
- (ii) Terangkan kelebihan berdikari dari sudut ekonomi. [2 markah]

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:
Tidak memakan seseorang sesuatu makanan yang lebih baik daripada
memakan daripada hasil kerja tangannya sendiri.

(Riwayat Imam Bukhari)

- (iii) Huraikan hujah anda untuk membuktikan kebenaran di atas. [4 markah]
 - (c) Namakan **dua** pembahagian *mad lazim*. [2 markah]
- 2 (a) Allah SWT mempunyai 99 nama-nama yang indah dan antaranya ialah al-Muntaqim.



- (i) Apakah maksud al-Muntaqim? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kefahaman berkaitan nama Allah SWT al-Muntaqim. [4 markah]



- (iii) Berdasarkan gambar di atas, kemukakan hujah anda dengan mengaitkannya dengan nama Allah SWT al-Muntaqim. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan maksud Muktaizilah. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** prinsip utama Muktaizilah yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah. [4 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** perbezaan pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan Muktaizilah tentang isu berikut;
- (1) Pelaku dosa besar
- (2) Melihat Allah SWT [4 markah]

3 (a) Muamalat Islam mengandungi rukun, syarat dan jenis akad.

- (i) Apakah maksud akad dalam muamalah Islam? [2 markah]
- (ii) Senaraikan **empat** unsur yang diharamkan dalam muamalat Islam. [4 markah]



- (iii) Huraikan pandangan anda berdasarkan pernyataan keratan akhbar di atas. [4 markah]

- (b) Talak ialah pembubaran perkahwinan oleh suami dengan lafaz talak yang jelas atau kiasan.

- (i) Nyatakan jenis-jenis talak. [2 markah]
- (ii) Jelaskan keadaan hukum talak wajib dan haram. [4 markah]

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menganggarkan kira-kira 70% pernikahan yang menggunakan khidmat sindiket nikah ekspres tidak patuh syariat. Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *Berita Harian Online* 14 April 2019.

- (iii) Berdasarkan pernyataan di atas, cadangkan langkah yang boleh dilaksanakan bagi mengatasi masalah ini. [4 markah]

4 (a) Kerajaan Umayyah wujud selepas pemerintahan Khulafak al-Rasyidin berakhir.

- (i) Senaraikan **dua** khalifah yang terkenal zaman kerajaan Umayyah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** sumbangan khalifah Abdul Malik bin Marwan. [4 markah]

Sikap diskriminasi sebahagian khalifah menjadi punca kemerosotan kuasa kerajaan Umayyah.

- (iii) Sekiranya anda dilantik sebagai ketua murid di sekolah, bagaimanakah anda mengambil iktibar berdasarkan pernyataan di atas? [4 markah]

(b) (i) Lengkapkan rajah di bawah berkaitan Salahuddin al-Ayubi.

1. Nama penuh	
2. Jawatan	

[2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** ketinggian akhlak Salahuddin al-Ayubi. [4 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau dari aspek pentadbiran. [4 markah]

5 (a) Sifat *khauf* dan *raja'* merupakan sifat yang diamalkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat baginda.

- (i) Apakah maksud *khauf*? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** konsep *khauf* dan *raja'* yang seimbang. [4 markah]

Berpegang kepada konsep *khauf* dan *raja'* dapat melahirkan murid yang cemerlang dari semua sudut.

- (iii) Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas. [4 *markah*]
- (b) (i) Jelaskan **dua** cara untuk memiliki sifat istiqamah. [2 *markah*]
- (ii) Jelaskan contoh sifat istiqamah Rasulullah SAW. [2 *markah*]
- (iii) Terangkan hikmah mengamalkan sifat istiqamah dalam kehidupan. [2 *markah*]
- (iv) Peribahasa Melayu ada menyatakan: “Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya”.
- Bincangkan peribahasa tersebut dalam konteks anda sebagai murid. [4 *markah*]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT